

KERTAS 1

Masa: 1 jam 15 minit

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

- 1 Pernyataan di bawah berkaitan subbidang perakaunan.

Kerja-kerja pemeriksaan dokumen perniagaan dan rekod kewangan dilakukan untuk mengesahkan rekod perakaunan adalah betul dan tepat.

Apakah subbidang tersebut?

- A Percukaian
B Pengauditan
C Perakaunan Kewangan
D Perakaunan Pengurusan

- 2 Maklumat berikut menunjukkan ciri sebuah milikan perniagaan.

- Ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- Liabiliti tidak terhad

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

- A Pramu Media Berhad
B Salon Kecantikan Salina
C Syarikat Bersama Sdn. Bhd.
D Klinik Pergigian Amir dan Amira

- 3 Pilih padanan yang betul.

	Akaun	Jenis Akaun	Baki
A	Faedah Atas Pinjaman	Aset	Debit
B	Komisen	Belanja	Kredit
C	Belum Bayar	Liabiliti	Debit
D	Faedah Atas Simpanan Tetap	Hasil	Kredit

- 4 Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Bertambah

Urus niaga manakah menepati kesan berkenaan?

- A Membuat bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebanyak RM900 secara tunai
B Membayar ansuran pinjaman RM1 300 dan faedah pinjaman RM200 dengan cek
C Jualan tunai RM4 700 bagi inventori berkos RM4 500 telah digunakan untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar
D Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM5 100 dengan cek untuk menyelesaikan hutang sebanyak RM5 300

5. Pemilik Kedai Alatan Pejabat Lim telah berkunjung ke Kedai Perabot Tan untuk membeli rak pameran. Kedai Perabot Tan menggunakan komputer untuk merekod urus niaga perniagaan. Berdasarkan situasi di atas, klasifikasi akaun manakah yang tepat untuk kedua-dua perniagaan?

	Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Kedai Alatan Pejabat Lim	Inventori - Alatan Pejabat	Perabot
II	Kedai Alatan Pejabat Lim	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
III	Kedai Perabot Tan	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
IV	Kedai Perabot Tan	Inventori - Alatan Pejabat	Perabot

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan III
 D III dan IV
6. Pilih padanan yang betul bagi dokumen dan urus niaganya.

	Dokumen	Urus Niaga
A	Invois	Belian secara kredit
B	Bil tunai	Penerimaan diskaun tunai
C	Keratan cek	Bukti penerimaan wang
D	Nota debit	Pulangan barang niaga

7. Apakah tujuan nota kredit dikeluarkan?
 I Pembeli memulangkan bekas kosong yang telah dicaj dalam invois
 II Caj pengangkutan yang dikenakan ke atas pembeli
 III Jumlah dalam invois terkurang caj
 IV Komisen diberi kepada pembeli
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan IV
 D III dan IV

8. Jurnal berikut diperolehi daripada TL Enterprise.

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2018		RM	RM
Ogos 1	Bank	10 000	
	Perabot	8 000	
	Modal		18 000
	(Aset dan modal pada tarikh ini)		

Apakah jenis urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am di atas?

- A Catatan pelarasan
 B Catatan penutupan
 C Catatan pembukaan
 D Catatan modal tambahan
9. Pilih padanan fungsi Jurnal Khas yang betul.

	Jurnal Khas	Fungsi
A	Jurnal Jualan	Merekodkan jualan barang niaga secara kredit
B	Jurnal Pulangan Keluar	Merekodkan pulangan barang niaga daripada pembekal
C	Jurnal Pulangan Masuk	Merekodkan pulangan barang niaga kepada pembeli
D	Jurnal Penerimaan Tunai	Merekodkan penerimaan belian barang niaga secara tunai sahaja

10 Pilih padanan yang betul.

	Urus Niaga	Analisis Pembayaran
A	Baiki kenderaan	Tambang
B	Mengirim bungkusan	Alat tulis
C	Membeli sampul surat	Pelbagai
D	Belanja minuman	Belanja am

11 Lejar Belian Kedai Murni menunjukkan maklumat berikut:

Akaun Belum Bayar – Perniagaan Salsa					
2018		RM	2018	RM	
Jan. 10	Bank	2 000	Jan. 1	Baki b/b	3 500

Apakah urus niaga yang berlaku pada 10 Januari 2018?

- A Kedai Murni menjual barang niaga RM2 000 dengan cek kepada Perniagaan Salsa
- B Kedai Murni membeli barang niaga RM2 000 dengan cek daripada Perniagaan Salsa
- C Kedai Murni membuat pembayaran hutang kepada Perniagaan Salsa dengan cek RM2 000
- D Kedai Murni menerima pembayaran hutang daripada Perniagaan Salsa dengan cek RM2 000

12 Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diambil daripada buku perniagaan Helmi Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Bayar							
Tarikh	Butir	Folio	Jumlah	Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
2018			RM	2018			RM
Jul. 31	Diskaun diterima	BT	370	Jul. 1	Baki	b/b	71 00
	Pulangan belian		600				
	Bank		5 000				

Berapakah baki pada 1 Ogos 2018 jika jumlah Jurnal Belian ialah RM2 100?

- A Debit RM1 130
- B Debit RM 3 230
- C Kredit RM1 130
- D Kredit RM3 230

13 Pilih dokumen perniagaan yang akan direkod dalam Buku Tunai Runcit.

A

MEMO
Kedai Komputer HP

Tarikh: 16 Ogos 2018

Pemilik membayar bil telefon peribadi RM250 dengan menggunakan wang perniagaan.

Ahmad
Pengurus

B

BAUCAR PEMBAYARAN
Butik Minee

Kepada:
Cik Lina Tarikh: 30 Jun 2018

Keterangan	RM
Gaji bulan Jun	900

Ringgit : Sembilan ratus sahaja.
Tunai / No.cek:

Lina *Minee*
Penerima Pengurus

C

Tarikh : 3 Jun 2018
Penerima : Syarikat Jaya Sdn. Bhd.
Untuk : Beli barang niaga

Baki akhir	50 000	00
Deposit	-	-
Jumlah	50 000	00
Cek ini	2 000	00
Baki	48 000	00

No cek: 294431

Keratan Cek

D

Kedai Buku AA
2, Bandar Utama
Petaling Jaya

Pen	RM5.00
Kertas A4	RM20.00
 Jumlah	 RM25.00
Tunai	RM30.00
Baki	RM5.00

19.10.2018
Terima kasih

Slip Daftar Tunai

14 Ai Leng merekod urus niaga perniagaannya menggunakan sistem catatan bergu. Manakala Wakeel pula merekod urus niaga perniagaannya menggunakan sistem catatan tunggal. Apakah kesan penggunaan sistem catatan berkenaan terhadap rekod perniagaan mereka?

	Ai Leng	Wakeel
A	Ada Imbangan Duga	Tiada Imbangan Duga
B	Nilai untung atau rugi tepat	Nilai untung atau rugi tidak boleh dikira
C	Penyata Kedudukan Kewangan boleh disediakan	Penyata Kedudukan Kewangan tidak boleh disediakan
D	Modal akhir boleh dikira	Modal akhir tidak boleh dikira

15 Pemilik Kedai Pakaian Sri Wangi membuat catatan bergu seperti berikut:

Debit	Kredit
Promosi	Belian

Urus niaga manakah yang ditunjukkan dengan catatan di atas?

- A Pemilik menaja pakaian seorang artis dalam Anugerah Juara Lagu
- B Ambil sehelai baju untuk dipakaikan pada patung di hadapan kedai
- C Pemilik mengambil sehelai tudung untuk menghadiri majlis perkahwinan Rakannya
- D 10 pasang baju Melayu dihadiahkan kepada anak yatim sempena Hari Raya Aidil Fitri

16 Maklumat berikut menerangkan tentang sistem dalam perakaunan.

Buku X merekod semua jenis urus niaga perniagaan secara tepat dan bersistematik menggunakan sistem Y.

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Jurnal Am	Sistem Catatan Tunggal
B	Buku Tunai	Sistem Inventori Berterusan
C	Lejar	Sistem Catatan Bergu
D	Buku Tunai Runcit	Sistem Panjar Runcit

17 Akaun berikut diambil daripada buku lejar Butik M Hannah.

Tuah Iskandar	
	RM
Baki b/b	2 314

Urus niaga manakah yang menghasilkan akaun di atas?

- A Tuah Iskandar berhutang dengan Butik M Hannah sebanyak RM2 314
- B Tuah Iskandar membayar kepada Butik M Hannah sebanyak RM2 314
- C Tuah Iskandar memberi hutang kepada Butik M Hannah sebanyak RM 2 314
- D Tuah Iskandar menerima bayaran daripada Butik M Hannah sebanyak RM2 314

18 Berikut ialah petikan kad inventori bagi seluar panjang.

Bil	Tarikh	Dokumen	No. Dokumen	Masuk			Keluar			Baki		
				Kuantiti	Harga RM	Amaun RM	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM
	Jan. 1									80	20	
1	8	Invois	IN2230	20								
2	10	Nota kredit	NK123				10					X

Berapakah X?

- A RM1 200
- C RM1 800
- B RM1 400
- D RM2 000

- 23 Kesilapan manakah yang tidak ketara dalam Imbangan Duga?
- A Bayaran gaji RM600 secara tunai hanya direkodkan dalam Buku Tunai
 - B Diskaun diberi RM70 telah direkodkan dalam Akaun Diskaun Diterima
 - C Jualan secara kredit RM255 telah direkodkan dengan RM225 dalam Akaun Jualan
 - D Belian alatan pejabat RM500 dengan cek telah direkodkan dalam Akaun Belian
- 24 Perniagaan Aiman ingin melupuskan aset di bawah.

Harga Jualan Perabot (RM)	Nilai Buku Perabot (RM)
38 000	35 000

Apakah kesan urus niaga ke atas untung bersih dan Aset Bukan Semasa?

	Untung Bersih	Aset Bukan Semasa
A	Meningkat	Berkurang
B	Berkurang	Meningkat
C	Meningkat	Meningkat
D	Berkurang	Berkurang

- 25 Berikut ialah keratan cek Perniagaan Hanis.

Tarikh : 10 Februari 2018		
Penerima : TNB Berhad		
Untuk : Bil Elektrik		
	Ringgit	Sen
Baki akhir	12 800	00
Deposit	0	00
Jumlah	12 800	00
Cek ini	801	00
Baki	11 999	00
CMBB	231 451	

Kerani akaun telah merekod kadar bayaran RM810 dalam Buku Tunai.

Apakah jenis kesilapan yang berlaku?

- A Kesilapan Ketinggalan
- B Kesilapan Songsang
- C Kesilapan Komisen
- D Kesilapan Amaun

- 26 Kedai Berjaya Perabot membeli barang niaga RM1 540 secara kredit daripada Syarikat Amin Berhad dan telah direkodkan sebagai RM1 450 dalam kedua-dua akaun. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit RM	Kredit RM
A	Belian Syarikat Amin Berhad	1 540	1 540
B	Syarikat Amin Berhad Belian	90	90
C	Perabot Syarikat Amin Berhad	1 540	1 540
D	Belian Syarikat Amin Berhad	90	90

- 27 Situasi berikut berlaku dalam Akaun Untung Rugi.

Belanja	>	Hasil
---------	---	-------

Kesan situasi tersebut akan menyebabkan perniagaan memperoleh

- A rugi kasar
 B rugi bersih
 C untung kasar
 D untung bersih
- 28 Maklumat berikut diperoleh daripada penyata kedudukan kewangan Perniagaan Haji Ahmad bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Aset bukan semasa	80 000
Aset semasa	60 000
Liabiliti bukan semasa	40 000
Liabiliti semasa	20 000

Berapakah nisbah semasa?

- A 1:2
 B 2:1
 C 1:3
 D 3:1

32 Nisbah semasa bagi Syarikat Bee Honey adalah seperti berikut:

Tahun	2014	2015	2016	2017
Nisbah semasa	14.1:1	14.5:1	15.4:1	15.3:1

Tahun manakah yang menunjukkan keupayaan Syarikat Bee Honey membayar hutang jangka pendeknya paling baik?

- A 2014
 B 2015
 C 2016
 D 2017

33 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan kepunyaan Encik Ramesh yang menyimpan rekod tidak lengkap.

	RM
Modal akhir	7 000
Ambilan	6 800
Modal awal	11 000
Modal tambahan	800

Berapakah keuntungan atau kerugian perniagaan tersebut?

- A Untung bersih RM2 000
 B Untung bersih RM12 000
 C Rugi bersih RM2 000
 D Rugi bersih RM12 000

34 Item manakah yang menambahkan nilai ekuiti pemilik?

- A Belanja
 B Ambilan
 C Rugi bersih
 D Modal tambahan

35 Encik Zali memulakan Pustaka Zali pada bulan April 2018. Berikut ialah petikan anggaran belanjawan bagi 3 bulan berakhir 30 Jun 2018.

- (i) Encik Zali membawa masuk cek RM20 000 ke dalam perniagaannya.
 (ii) Jualan tunai bagi bulan April berjumlah RM10 000 dan akan bertambah sebanyak 10% setiap bulan.
 (iii) Pada bulan Jun, sumbangan modal tambahan sebanyak RM2 000 diperoleh daripada ahli keluarga.

Berapakah jumlah penerimaan Pustaka Zali bagi bulan April, Mei dan Jun 2018?

	April RM	Mei RM	Jun RM
A	30 000	11 000	14 100
B	30 000	11 000	12 000
C	30 000	1 100	14 100
D	30 000	1 000	2 100

B

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal:		
Siva	30 000	
Osman	10 000	
	<u> </u>	40 000
Akaun Semasa:		
Siva	2 570	
Osman	(350)	
	<u> </u>	2 220

C

RM	RM
Ekuiti Pemilik	
Akaun Modal:	40 000
Akaun Semasa:	2 920

D

RM	RM
Ekuiti Pemilik	
Akaun Modal:	40 000
Akaun Semasa:	2 220

38 Kelab Kebudayaan WAJA telah mengadakan pertunjukan fesyen untuk mengutip derma bagi menambah tabung kelab. Pertunjukan tersebut telah berjaya mengumpul wang sebanyak RM14 700 daripada orang ramai.

Pilih catatan yang tepat dalam petikan Penyata Kewangan.

A

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	
	RM
Derma	14 700

B

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	
RM	
Derma	14 700

C

Akaun Perdagangan	
	RM
Derma	14 700

D

Akaun Perdagangan	
RM	
Derma	14 700

39 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Petani Muda.

	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>		
Perabot	15 000	
Lengkapan	8 200	
		23 200
<u>Aset Semasa</u>		
Bank	7 300	
Tunai	500	
	7 800	
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Akaun Belum Bayar	1 000	

Berapakah dana terkumpul kelab tersebut?

- A RM6 800
- B RM15 400
- C RM30 000
- D RM32 000

40 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kilang Roti Enak.

<u>Penyata Kos Pengeluaran</u> <u>bagi tahun berakhir 31 Mac 2018</u>	
	RM
Kos V	20 000
Kos W	5 000
Kos Prima	25 000

Apakah Kos V dan Kos W?

	Kos V	Kos W
A	Bahan mentah	Overhed
B	Buruh langsung	Overhed
C	Overhed	Belanja langsung
D	Bahan mentah	Buruh langsung

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN OBJEKTIF

SPM

GUNAKAN PENSEL 2B ATAU BB SAHAJA.
TENTUKAN TIAP-TIAP TANDA ITU HITAM DAN MEMENUHI KESELURAHAN RUANG.
PADAMKAN HINGGA HABIS MANA-MANA TANDA YANG ANDA UBAH.

A MAKLUMAT CALON

NAMA CALON:

ANGKA GILIRAN									
A	A	0	0	0	A	0	0	0	
B	B	1	1	1	B	1	1	1	
C	C	2	2	2	C	2	2	2	
D	D	3	3	3	D	3	3	3	
H	E	4	4	4	E	4	4	4	
J	F	5	5	5	F	5	5	5	
K	G	6	6	6	G	6	6	6	
M	H	7	7	7		7	7	7	
N	J	8	8	8		8	8	8	
P	K	9	9	9		9	9	9	
R	L								
S	M								
T	N								
W	P								
Z	R								

NOMBOR KAD PENGENALAN									
A	0	0	0	0	0	0	0	0	0
H	1	1	1	1	1	1	1	1	1
I	2	2	2	2	2	2	2	2	2
K	3	3	3	3	3	3	3	3	3
L	4	4	4	4	4	4	4	4	4
P	5	5	5	5	5	5	5	5	5
T	6	6	6	6	6	6	6	6	6
W	7	7	7	7	7	7	7	7	7
5	8	8	8	8	8	8	8	8	8
6	9	9	9	9	9	9	9	9	9
7									
8									

KOD DAN NAMA MATA PELAJARAN

KOD	MATA PELAJARAN
<input type="radio"/> 1249	SEJARAH
<input type="radio"/> 1511	SAINS
<input type="radio"/> 2280	GEOGRAFI
<input type="radio"/> 2611	PENDIDIKAN SENI
<input type="radio"/> 3755	PERNIAGAAN
<input type="radio"/> 3756	PRINSIP PERAKAUNAN
<input type="radio"/> 3757	EKONOMI
<input type="radio"/> 4531	FIZIK
<input type="radio"/> 4541	KIMIA
<input type="radio"/> 4551	BIOLOGI
<input type="radio"/> 4561	SAINS TAMBAHAN
<input type="radio"/> 4571	SAINS SUKAN

UNTUK DIISI OLEH KETUA PENGAWAS

B BAGI CALON YANG TIDAK HADIR
ISIKAN DAN HITAMKAN RUANG INI.

TIDAK HADIR

TANDATANGAN KETUA PENGAWAS
NAMA

C KES KHAS – HITAMKAN JIKA
BERKENAAN BAGI CALON YANG
HADIR.

- RABUN CICIR
 PEKAK BANTAHAN
 HOSPITAL MENUMPANG

NO. PUSAT
MENUMPANG

- | | | |
|--------------------|--------------------|--------------------|
| 1 (A) (B) (C) (D) | 31 (A) (B) (C) (D) | 61 (A) (B) (C) (D) |
| 2 (A) (B) (C) (D) | 32 (A) (B) (C) (D) | 62 (A) (B) (C) (D) |
| 3 (A) (B) (C) (D) | 33 (A) (B) (C) (D) | 63 (A) (B) (C) (D) |
| 4 (A) (B) (C) (D) | 34 (A) (B) (C) (D) | 64 (A) (B) (C) (D) |
| 5 (A) (B) (C) (D) | 35 (A) (B) (C) (D) | 65 (A) (B) (C) (D) |
| 6 (A) (B) (C) (D) | 36 (A) (B) (C) (D) | 66 (A) (B) (C) (D) |
| 7 (A) (B) (C) (D) | 37 (A) (B) (C) (D) | 67 (A) (B) (C) (D) |
| 8 (A) (B) (C) (D) | 38 (A) (B) (C) (D) | 68 (A) (B) (C) (D) |
| 9 (A) (B) (C) (D) | 39 (A) (B) (C) (D) | 69 (A) (B) (C) (D) |
| 10 (A) (B) (C) (D) | 40 (A) (B) (C) (D) | 70 (A) (B) (C) (D) |
| 11 (A) (B) (C) (D) | 41 (A) (B) (C) (D) | 71 (A) (B) (C) (D) |
| 12 (A) (B) (C) (D) | 42 (A) (B) (C) (D) | 72 (A) (B) (C) (D) |
| 13 (A) (B) (C) (D) | 43 (A) (B) (C) (D) | 73 (A) (B) (C) (D) |
| 14 (A) (B) (C) (D) | 44 (A) (B) (C) (D) | 74 (A) (B) (C) (D) |
| 15 (A) (B) (C) (D) | 45 (A) (B) (C) (D) | 75 (A) (B) (C) (D) |
| 16 (A) (B) (C) (D) | 46 (A) (B) (C) (D) | 76 (A) (B) (C) (D) |
| 17 (A) (B) (C) (D) | 47 (A) (B) (C) (D) | 77 (A) (B) (C) (D) |
| 18 (A) (B) (C) (D) | 48 (A) (B) (C) (D) | 78 (A) (B) (C) (D) |
| 19 (A) (B) (C) (D) | 49 (A) (B) (C) (D) | 79 (A) (B) (C) (D) |
| 20 (A) (B) (C) (D) | 50 (A) (B) (C) (D) | 80 (A) (B) (C) (D) |
| 21 (A) (B) (C) (D) | 51 (A) (B) (C) (D) | |
| 22 (A) (B) (C) (D) | 52 (A) (B) (C) (D) | |
| 23 (A) (B) (C) (D) | 53 (A) (B) (C) (D) | |
| 24 (A) (B) (C) (D) | 54 (A) (B) (C) (D) | |
| 25 (A) (B) (C) (D) | 55 (A) (B) (C) (D) | |
| 26 (A) (B) (C) (D) | 56 (A) (B) (C) (D) | |
| 27 (A) (B) (C) (D) | 57 (A) (B) (C) (D) | |
| 28 (A) (B) (C) (D) | 58 (A) (B) (C) (D) | |
| 29 (A) (B) (C) (D) | 59 (A) (B) (C) (D) | |
| 30 (A) (B) (C) (D) | 60 (A) (B) (C) (D) | |

Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian. **Bahagian A dan Bahagian B.** Jawab semua soalan di **Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.**

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Penyata kewangan mesti disediakan dalam tempoh yang ditetapkan dan boleh difahami oleh pengguna kewangan.

Nyatakan **dua** ciri kualitatif penyata kewangan berkenaan.

[2 markah]

- (b) Apakah kesan urus niaga berikut kepada persamaan perakaunan?

Beli barang niaga secara kredit RM560 daripada Din Enterprise.
--

[2 markah]

- (c) Lengkapkan jadual berikut.

	Peringkat dalam Kitaran Perakaunan	Keterangan
(i)		Menyediakan jurnal am, jurnal khas, Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit.
(ii)		Menyemak ketepatan catatan bergu.

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan belanjawan tunai.

	RM
Baki awal	2 509
Jumlah penerimaan	11 312
Kurangan	76

Hitung jumlah pembayaran untuk belanjawan tunai berkenaan.

[2 markah]

(e) Nyatakan bentuk organisasi perniagaan berdasarkan maklumat berikut:

	Penyata Kedudukan Kewangan	Jumlah (RM)	Bentuk organisasi
(i)	Dibiayai oleh:		
	Dana terkumpul awal	200 000	
	(+) Lebihan	40 000	
		240 000	
(ii)	Dibiayai oleh :		
	Modal awal	200 000	
	(+) Untung bersih	40 000	
		240 000	

[2 markah]

2 Hariz, Lokman dan Jayden adalah pekongsi dalam sebuah perniagaan perkongsian.

Perjanjian Perkongsian membenarkan perkara-perkara yang berikut:

- Kongsi untung atau kongsi rugi diagihkan mengikut nisbah 3:1:1
- Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal
- Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun
- Faedah atasambilan 8% setahun
- Gaji tahunan RM35 000 diperuntukkan kepada Hariz bermula 1 April 2017.

Baki pada 1 Julai 2016:

	Hariz RM	Lokman RM	Jayden RM
Akaun Modal	125 000	125 000	75 000
Akaun Semasa	10 400	6 100 (Dt)	3 900
Pinjaman daripada pekongsi(matang 2025)	30 000	-	-

Pada 30 Jun 2017 baki-baki berikut diperoleh daripada buku perkongsian.

	RM
Pinjaman bank berkadar faedah 7% setahun (matang 1 Januari 2018)	60 000
Bank	3 900
Inventori	10 300
Tanah dan bangunan (nilai buku)	240 000
Loji dan peralatan (nilai buku)	182 325
Akaun Belum Bayar	24 975
Akaun Belum Terima	86 250

Maklumat tambahan:

(i) Ambilan pekongsi menggunakan cek:

Hariz	RM10 000	1 Oktober 2016
	RM10 000	1 Januari 2017
Lokman	RM15 000	1 April 2017
Jayden	RM12 000	1 Jun 2017

- (ii) Pada 30 Jun 2017 untung bersih RM121 600. Perkara-perkara berikut belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih.
- Insurans prabayar RM420
 - Faedah belum bayar:
 - Faedah untuk sebulan bagi pinjaman bank berkadar faedah 7% setahun
 - Faedah pinjaman pekongsi akan dikreditkan ke akaun semasa Hariz
 - Baki akaun belum terima RM1 800 dianggap sebagai hutang lapuk

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung untung bersih terselaras bagi tahun berakhir 30 Jun 2017. [5 markah]
- (b) Menyediakan:
- (i) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017. [4 markah]
- (ii) Akaun Semasa pekongsi bagi tahun berakhir 30 Jun 2107. [9 markah]
- (iii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017. [7 markah]
- 3 Wani seorang pengilang. Beliau juga membeli barang siap untuk dijual semula. Berikut adalah baki-baki pada 30 September 2018 yang telah diperoleh daripada buku perakaunan Wani.

	RM
Angkutan masuk - bahan langsung	1 690
Upah buruh langsung	63 860
Belanja am	20 410
Belian alat-alat kilang	2 250
Mesin (kos)	62 200
Susut nilai terkumpul mesin	26 100
Pulangan belian - barang siap	1 090
Belian - barang siap	18 450
Belian - bahan langsung	132 340
Jualan	312 255
Royalti	2 875

	1 Oktober 2017 RM	30 September 2017 RM
Inventori:		
Barang siap yang dibeli	1 905	1 860
Barang siap yang di kilang	38 625	39 420
Bahan langsung	18 600	19 420
Kerja dalam proses	11 240	13 590
Alat-alat kilang pada harga penilaian	6 300	6 100

Maklumat tambahan pada 30 September 2018:

- (i) Belanja am prabayar RM210.
- (ii) Angkutan masuk belum bayar RM620.
- (iii) Susut nilai adalah pada kadar 25% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
Susut nilai dikira penuh setahun pada tahun pembelian dan tiada susut nilai dalam tahun pelupusan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun alat-alat kilang bagi menunjukkan amaun yang dipindahkan ke Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2018.

Imbangkan akaun pada tarikh ini dan tunjukkan baki pada 1 Oktober 2018. [5 markah]

- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2018. [13 markah]

- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 September 2018. [7 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Encik Muniandy seorang peniaga milik tunggal tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Semua pembayaran dilakukan dengan cek dan kebanyakan penerimaan termasuk jualan tunai telah dibankkan.

Pada 20 Oktober 2018, beliau telah meminta anda menyediakan satu set akaun bagi tahun berakhir 30 September 2018.

Berikut adalah ringkasan akaun bank perniagaan Encik Muniandy bagi tahun berakhir 30 September 2018.

Akaun Bank			
	RM		RM
Baki b/b	18 300	Akaun Belum Bayar	37 400
Jualan	20 700	Pengiklanan	4 800
Akaun Belum Terima	46 200	Kenderaan baharu	13 000
Jualan kenderaan lama	2 850	Sewa	5 500
		Belanja am	4 000
		Ambilan	8 180
		Penyelenggaraan kenderaan	3 375

Anda telah dapat mengenal pasti maklumat berikut:

(1)

	1 Oktober 2017	31 September 2018
	RM	RM
Kenderaan	3 000	12 000
Akaun Belum Terima	7 100	10 800
Akaun Belum Bayar	4 400	5 600
Sewa prabayar	350	—
Belanja am belum bayar	95	—
Inventori pada harga kos	2 150	4 830

(2) Sepanjang tahun berakhir 30 September 2018:

- Pembekal memberi diskaun RM1 600 kerana telah menyelesaikan hutang dengan segera.
- Jualan tunai RM1 100 tidak dibankkan. Wang berkenaan digunakan untuk pembayaran penyelenggaraan kenderaan.

(3) Encik Muniandy telah mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri pada harga kos RM1 150.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Modal Awal pada 1 Oktober 2017. [3 markah]
(b) Akaun Kawalan Belum Terima. [2 markah]
(c) Akaun Kawalan Belum Bayar. [3 markah]
(d) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dalam bentuk penyata bagi tahun berakhir 30 September 2018. [12 markah]

- 5 Arfah adalah pemilik Kedai Buku Arfa yang memulakan perniagaan milik tunggal pada 1 Julai 2106. Imbangan Duga perniagaan adalah seperti berikut:

Kedai Buku Arfa
Imbangan Duga pada 30 Jun 2018

	Debit	Kredit
	RM	RM
Premis	120 000	
Inventori 1 Julai 2107	28 900	
Modal 1 Julai 2017		128 824
Kenderaan (kos)	8 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		1 200
Perabot (kos)	6 700	
Susut nilai terkumpul perabot		670
Belian dan Jualan	47 800	86 700
Pulangan	560	
Bank		2 700
Angkutan masuk	740	
Diskaun	293	
Akaun belum terima dan akaun belum bayar	8 670	10 630
Hutang lapuk	350	
Peruntukan hutang ragu		195
Utiliti	1 346	
Gaji	11 700	
Faedah overdraf	320	
Ambilan	1 040	
Sewa		5 500
	<u>236 419</u>	<u>236 419</u>

Pelarasan berikut perlu diambil kira:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2018 dinilai pada RM34 650.
(ii) Sewa tahunan RM6 000.
(iii) Gaji RM900 sebulan.
(iv) Utiliti RM130 bagi bulan Jun 2018 belum dibayar.
(v) RM470 dihapus kira sebagai hutang lapuk.

- (vi) Aset bukan semasa perlu disusutnilaikan seperti berikut:
- kenderaan 15% setahun atas kos
 - perabot 10% setahun atas baki berkurangan
- (vii) Peruntukan hutang ragu adalah 2% atas baki akaun belum terima.
- (viii) Urus niaga berikut masih belum direkod:
- (a) Arfah membawa masuk kenderaan RM48 000 untuk kegunaan perniagaan pada 1 Januari 2018.
 - (b) Barang niaga dibeli RM3 980 dengan menggunakan cek peribadinya pada 30 Jun 2018.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2018. [15 markah]
- (b) Akaun bagi ekuiti Arfa pada 30 Jun 2018. [5 markah]

- 6 Naza adalah pemilik Butik Naza di Sepang, Selangor. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM200.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Butik Naza.

Tarikh	Butir	RM
2018		
Feb. 28	Baki bank	7 218
	Baki buku tunai runcit	57
Mac 1	Rekupmen dengan cek (No.300127)	?
5	Bayaran untuk bungkusan pos	81
6	Bayaran kepada Perniagaan Jojary dengan cek (No.300128)	1 535
10	Cek diterima untuk jualan tunai	2 280
11	Belian dengan cek (No.300129)	2 007
13	Terima cek daripada Nazirah Enterprise	1 564
16	Bayaran untuk kertas A4	45
19	Bayaran untuk setem dan pos	13
23	Bayaran untuk upah mencuci pejabat	20
29	Bayaran gaji dengan cek (No.300130) bagi bulan Mac	4 025

Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan Mac 2018 yang telah diterima oleh Butik Naza.

PENYATA BANK				
Bank Kita				
Lot 55, 43 900 Sepang				
Selangor				
Butik Naza		Tarikh: 31 Mac 2018		
		No.Akaun: 444231540212		
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2018		RM	RM	RM
Mac 1	Baki			7 418
1	Cek No.300127	143		7275
5	Cek No.300125	200		7075
8	Cek No.300128	1 353		5 722
11	Cek No.300129	2 007		3 715
12	Deposit		2 280	5 995
28	Dividen		500	6 495

Maklumat tambahan:

Cek bertarikh 13 Mac 2018 dipulangkan oleh bank dengan catatan "baki tidak mencukupi".

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Buku Tunai Runcit bagi bulan Mac 2018 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya.
Tunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat (gunakan **Lampiran A**).

[7 markah]

(b) Buku Tunai ruangan bank (gunakan **Lampiran B**).

[7 markah]

(c) Penyata Penyesuaian Bank bermula dengan baki Buku Tunai.
(tanpa mengemas kini Buku Tunai)

[6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

